

TARIKH	20 / 1 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	85	RUANGAN	BISNES

## Korporat perlu patuh Kod Tadbir Urus



**RITA BENOY  
BUSHON**

» Lebih banyak syarikat diharap terima pakai had tempoh khidmat pengarah bebas

Pada minggu lalu, kita telah melihat IOI Properties Bhd kembali disenaraikan di Bursa Malaysia, meraih hingga 42 peratus atas harga rujukannya sebanyak RM2.51.

Prestasi kenaikan harga itu membuktikan bahawa tindakan kami meminta syarikat memberikan pemegang saham minoriti lebih masa untuk melanggan saham tawaran jualan terhad ini (*restricted offer shares* atau ROS) adalah wajar.

Walaupun IOI mematuhi pelbagai syarat dan memenuhi tempoh peraturan yang dikenakan untuk melaksanakan ROS ini iaitu selama lima hari bekerja, ia dilaksanakan dalam tempoh perayaan Krismas dan Tahun Baharu dan mungkin mengalami kelewatan disebabkan ramai pekerja mengambil cuti.

Bagaimanapun, IOI akhirnya memberikan tambahan empat hari bekerja bagi pemegang saham memfailkan permohonan mereka, memberikan peluang untuk mengambil manfaat daripada prestasi harga saham yang positif.

Mengenai isu tempoh kebebasan pengarah bebas bukan ek-

sekutif (INEDs), kami dapati masih ada banyak syarikat yang memohon kelulusan pemegang saham di dalam mesyuarat agung tahunan (AGM) untuk melantik semula INEDs ini yang mana mereka telah berkhidmat melebihi 44 tahun.

Kami berharap pengarah terbabit sama ada menjadi pengarah bukan bebas atau terus bersara sejajar dengan cadangan di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

### Hadkan tempoh khidmat

Penemuan kami baru-baru ini di dalam Laporan Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN 2013 juga menunjukkan ada hanya 12, atau cuma dua peratus daripada syarikat tersenarai mempunyai pengarah bebas.

Kami berharap lebih banyak syarikat akan menerima pakai

had tempoh yang telah dicadangkan di dalam Kod Tadbir Urus Korporat pada 2012.

“*Laporan Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN 2013 juga menunjukkan ada hanya 12, atau cuma dua peratus daripada syarikat tersenarai mempunyai dasar had tempoh bagi khidmat pengarah bebas*”

Fitch Ratings mengekalkan penarafan tinjauan masa depan Malaysia sebagai negatif atas sebab masih terdapat kebimbangan mengenai kedudukan 'risiko berkembar' akaun semasa dan defisit fiskal.

### Maklum balas

SC dan MSWG baru-baru ini telah secara bersama mengeluarkan Kertas Rundingan Awam mengenai Kod Pelabur Institusi Malaysia 2014 (Kod) untuk mendapat maklum balas orang awam. Cadangan bagi kod ini dibuat dalam Pelan Tindakan Tadbir Urus Korporat 2011 untuk mempromosikan tanggungjawab pelabur institusi sebagai penyelia (*stewardship*).

Sebuah Jawatankuasa bagi Pembangunan Kod Pelabur Ins-

titusi Malaysia (Jawatankuasa Pemandu) telah ditubuhkan pada Julai 2013 untuk melaksanakan perumusan draf kod itu yang diterajui oleh MSWG.

Ahli Jawatankuasa Pemandu itu adalah Ketua Eksekutif dan wakil kanan pelabur institusi di Malaysia iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Permodalan Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Persatuan Pengurus Aset Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia, Pentadbir Pencen Swasta dan MSWG.

Kertas rundingan bersama itu boleh dimuat turun daripada laman web SC ([www.sc.com.my](http://www.sc.com.my)) dan MSWG ([www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)). Orang ramai dijemput untuk menghantar komen bertulis mengenai kod berkenaan melalui e-mel kepada [mcii@mswg.org.my](mailto:mcii@mswg.org.my) selewat-lewatnya pada 28 Februari 2014.

### Penulis

ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG)